



ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN, ST1 2024



ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) AWALAN

Ekonomi Malaysia meningkat 3.9 peratus
pada **Suku Tahun Pertama 2024**

ST1 2024*
Kadar Pertumbuhan KDNK

3.9%

(ST4 2023: 3.0%)

KDNK Suku Tahunan Malaysia bagi ST1 2022 – ST1 2024*



PRESTASI EKONOMI MENGIKUT KAEDAH PENGELUARAN



Perkhidmatan

ST1 2024*

4.4%

ST4 2023: 4.2%



Pembuatan

ST1 2024*

1.9%

ST4 2023: -0.3%



Perlombongan & pengkuarian

ST1 2024*

4.9%

ST4 2023: 3.8%



Pertanian

ST1 2024*

1.3%

ST4 2023: 1.9%



Construction

ST1 2024*

9.8%

ST4 2023: 3.6%

Nota:

- Prestasi tidak termasuk duti import
- (*) merujuk kepada Anggaran Awal
- Peratus (%) merujuk kepada Perubahan Peratusan Tahunan

KDNK preliminari ST1 2024 akan
diterbitkan pada **17 Mei 2024 | Jumaat**


Anggaran KDNK Awal bagi suku tahun pertama 2024 adalah disusun berdasarkan data dua bulan pertama suku tahun tersebut (Januari & Februari). Anggaran ini boleh digunakan sebagai petunjuk awal pertumbuhan KDNK pada suku tahun tersebut dan tertakluk kepada semakan apabila data yang lebih komprehensif tersedia.

Sumber: Akaun Negara, Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar Awal, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)


Kadar Pertumbuhan KDNK Malaysia (%)

Peratus (%)


Bulanan
(Jan 2020 – Dis 2023)



Suku Tahunan
(ST1 2019 – ST1 2024*)



Tahunan
(1996 - 2023)



KDNK Malaysia dianggarkan berkembang 3.9 peratus pada suku tahun pertama 2024

- **KDNK Malaysia pada suku tahun pertama 2024** dianggarkan bertumbuh 3.9 peratus berbanding 3.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ekonomi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan, dengan semua sektor utama mengalami pertumbuhan positif.
- **Sektor Perkhidmatan** meningkat sebanyak 4.4 peratus (ST4 2023: 4.2%), disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan.
- **Sektor Pembuatan** mencatatkan pemulihan 1.9 peratus selepas merekodkan penyusutan 0.3 peratus pada suku tahun keempat 2023. Pertumbuhan sektor ini disokong oleh pembuatan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan; serta Produk petroleum, kimia, getah & plastik.
- **Sektor Perlombongan & pengkuarian** berkembang 4.9 peratus (ST4 2023: 3.8%) dan pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam semua aktiviti, dengan subsektor Gas asli menjadi penyumbang utama.
- **Sektor Pertanian** meningkat 1.3 peratus (ST4 2023: 1.9%), disumbangkan oleh pengeluaran Kelapa sawit dan Ternakan.
- Sementara itu, **sektor Pembinaan** menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 9.8 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, terutamanya dipacu oleh subsektor Kejuruteraan awam.
- Analisis terperinci dan komprehensif mengenai ekonomi Malaysia bagi suku tahun pertama 2024 akan dikeluarkan pada **17 Mei 2024**.

